



AYUB RAHMAT (kiri) melawat pameran sempena perasmian Seminar Pendidikan Johor 2017 di UTHM, Batu Pahat, Johor, semalam.

Johor perlu ramai graduan berkemahiran

BATU PAHAT 12 Sept. - Johor memerlukan lebih ramai graduan berkemahiran tinggi dan sederhana untuk memenuhi peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, keperluan berkenaan ekoran kesesatan pembangunan di negeri ini terutamanya dalam bidang minyak dan gas.

Menurutnya, pelbagai sektor lain turut memerlukan tenaga kerja berkenaan disebabkan Johor juga menerima nilai pelaburan tinggi daripada para pelabur.

"Apabila ada pelaburan, maka peluang pekerjaan yang sepatutnya diraih oleh penduduk tempatan tidak dapat dipenuhi hingga kita pun marah kenapa orang luar ramai tetapi kita sendiri tak ambil peluang pelaburan yang ada."

"Jadi, saya yakin itu antara dilaksanakan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi membantu kerajaan terutamanya kerajaan negeri memenuhi pasa-

ran tempatan," katanya dalam sidang akhbar pada majlis perasmian seminar Pendidikan Johor 2017 di UTHM, hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UTHM, Prof. Dr. Wahid Razzaly dan Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Prof. Dr. Wan Mohd. Rashid Wan Ahmad.

Ayub yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam perasmian itu berkata, seminar itu membincangkan hala tuju TVET bagi membantu kerajaan negeri selain memenuhi kapasiti permintaan dalam usaha meletakkan Johor berada pada kedudukan hadapan.

Sementara itu, Wahid berkata, UTHM turut menjalinkan kerjasama dengan Johor Petroleum Development Corporation (JPDC) untuk melahirkan pekerja profesional dalam bidang minyak dan gas.

"UTHM adalah universiti yang berbeza kerana graduan kita yang keluar mesti dapat kerja. Jadi, salah satu usaha adalah melalui memorandum persetujuan (MoA) dengan JPDC yang setakat ini telah melatih kira-kira 100 pelajar," katanya.